

Permohonan kuota FiT 188MW dibuka 1 Jun

Projek sumber tenaga dijangka jana pelaburan RM1.5 bilion

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Kerajaan akan membuka permohonan kuota Tarif Galakan (FiT) sejumlah 188Megawatt (MW) untuk sumber biogas, mini hidro dan biojisim di Semenanjung, bermula 1 Jun ini.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata projek itu yang dijangka menjana pelaburan RM1.5 bilion, selain bakal mewujudkan 600 peluang pekerjaan dan industri tenaga boleh Baharu (TBB).

Beliau berkata, meskipun bidaan dalam talian (e-bidding) itu terbuka untuk semua, pihaknya menggalakkan syarikat tempatan untuk menghantar permohonan masing-masing.

Katanya, daripada 188 MW itu, kuota 32 MW diperuntukkan kepada sumber biogas, 126MW untuk mini hidro, manakala 30MW lagi bagi sumber biojisim.

"Semua kuota ini boleh dimohon secara bidaan e-bidding me-

lalui laman sesawang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia, bermula pada 1 Jun ini untuk biogas, 8 Jun bagi mini hidro dan 22 Jun biojisim.

"Langkah ini juga sebahagian usaha kerajaan merencanakan semula pertumbuhan ekonomi negara pasca penularan COVID-19, khususnya dalam sektor tenaga.

"Projek yang bakal diluluskan ini mula menjana dan membekalkan elektrik pertengahan 2024," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Shamsul Anuar berkata, selain memberi manfaat kepada syarikat tempatan serta peluang pekerjaan, projek itu bakal dinikmati rakyat di Semenanjung apabila bekalan elektrik terus disatukan.

Beliau berkata, TBB yang dihasilkan melalui ketiga-tiga sumber itu akan dimasukkan dalam grid tenaga elektrik yang dijangka dapat ditingkatkan sehingga 31 peratus berbanding 20 peratus sebelum ini.



Semua kuota ini boleh dimohon secara bidaan e-bidding melalui laman sesawang SEDA Malaysia, bermula 1 Jun ini untuk biogas, 8 Jun bagi mini hidro dan 22 Jun biojisim.

Shamsul Anuar Nasarah,
Menteri Tenaga dan Sumber Asli

Katanya, dengan TBB kerajaan berhasrat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan bahan bakar fosil seperti arang batu dalam penjanaan elektrik.

Sementara itu, Shamsul Anuar berkata, kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga sedang mengkaji alternatif lain yang lebih berdaya mahu untuk pelaksanaan TBB di Sabah.

Beliau berkata, ketika ini, projek lama yang berjalan di Sabah akan diteruskan, manakala kerajaan Sarawak mempunyai autonomi terhadap pembekalan tenaga elektrik di negeri itu.

Program FiT yang diperkenalkan pada 2011 sudah meluluskan 1,394 MW kuota bagi semua sumber TBB membabitkan 10,476 projek di seluruh negara.